KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18.02.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	TNB			

Dijel, denda RM1 juta jika curi elektrik

Bagi mengatasi kegiatan sindiket melombong bitcoin

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

ROMPIN

Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memperkasakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan (KK) untuk hukuman lebih berat terhadap pihak didapati mencuri elektrik bagi tujuan melombong bitcoin di negara ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, pendekatan itu turut dipersetujui Tenaga Nasional Berhad (TNB) berikutan peningkatan mendadak kes kecurian elektrik bagi tujuan itu tahun lalu.

Menurutnya, sebelum ini kes itu disiasat di bawah Seksyen 37(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 dengan hukuman denda RM1 juta, namun ia tidak mengentarkan pihak sindiket kerana hukuman yang agak ringan.

"Justeru kita telah ambil keputusan dan pendekatan drastik di bawah Seksyen 379/427 KK yang membawa hukuman lebih berat iaitu denda dan boleh dipenjarakan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Majlis Pelupusan Barang Kes Op Letrik (Bitcoin) sempena Majlis Penutup Bengkel Pemurnian Siasatan Kes Kecurian Elektrik anjuran TNB dan PDRM di sini pada Khamis. Turut hadir, Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Abd Jalil memberitahu, sepanjang tahun lalu, polis membuka 570 kertas siasatan berhubung kes kecurian elektrik seluruh negara dengan 528 tangkapan dan nilai kerugian mencecah RM54 juta.

Menurutnya, ia menunjukkan peningkatan berlipat kali ganda berbanding tahun 2020 apabila hanya 20 kertas siasatan dibuka dengan 26 tangkapan, manakala nilai kerugian RM1.2 juta.

Jelas beliau, Selangor, Kuala Lumpur, Perak dan Pulau Pinang antara negeri yang merekodkan kes tertinggi setakat ini.

Mengulas berhubung Bengkel Pemurnian Siasatan Kes Kecurian Elektrik anjuran TNB dan PDRM selama empat hari itu, Abd Jalil berkata, ia diadakan bagi memantapkan kaedah siasatan serta mendapatkan bukti bagi membawa pesalah kes itu ke muka pengadilan.

Sementara itu, Wan Nazmy berkata, kerjasama strategik bersama PDRM bagi mengesan kegiatan mencuri arus elektrik telah meningkatkan kecekapan TNB dalam membanteras kegiatan berkenaan terutamanya bagi kes yang melibatkan aktiviti perlombongan mitcoin.

"Sehingga 31 Disember tahun lalu, nilai kerugian direkodkan sebanyak RM158 juta," katanya.

Tambah beliau, dalam tempoh 2018 sehingga 2021, sebanyak 7,209 kes kecurian elektrik melibatkan premis bitcoin direkodkan di seluruh negara.



Abd Jalil menunjukkan sebahagian barang kes Ops Letrik (Bitcoin) yang dilupuskan di Rompin pada Khamis.